



*Bot nelayan tempatan digunakan empat warga asing yang tahan kerana menangkap ikan di kawasan tak dibenarkan.*

(Foto Ihsan Maritim Selangor)

# 4 warga asing ditahan tangkap ikan di lokasi tidak dibenarkan

BH 29/1/2023 Ms: 20

**Kuala Selangor:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) menahan empat warga asing bersama sebuah bot nelayan tempatan yang menangkap ikan di kawasan tidak dibenarkan di perairan Kuala Selangor, semalam.

Pengarah Maritim Selangor, Kepten Maritim V Siva Kumar, berkata semua nelayan itu ditahan jam 10.57 malam menerusi Op Ehsan.

Beliau berkata, terdahulu bot terbabit dikesan radar Sistem Pengawasan Laut Malaysia (SWASLA) menerusi maklumat Pusat Kawalan Kawasan (ACC) Klang pada kedudukan 3.9 batu nautika Kuala Selangor.

“Penahanan dibuat selepas bot itu melakukan aktiviti penangkapan ikan di kawasan yang tidak dibenarkan.

“Hasil pemeriksaan awal mendapati bot itu dikendalikan seorang tekong dan tiga kru warga Myanmar berusia antara 32

hingga 39 tahun,” katanya melalui kenyataan, semalam.

Siva Kumar berkata, pemeriksaan lanjut ke atas dokumen mendapati dua daripada warga asing berkenaan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.

“Bagaimanapun, dua lagi disyaki pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pemilik bot melakukan kesalahan kerana menggajikan warga asing tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

“Ketika penahanan, turut ditemukan di atas bot adalah kira-kira 30 kilogram ikan campur,” katanya.

Beliau berkata, semua nelayan dan bot dibawa ke jeti Pasukan Polis Marin Pulau Indah sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk siasatan lanjut.

Kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.